

Penghuni-Penghuni
Pangsapuri Langat Jaya
Jalan Datok Alias, Off Jalan Hulu Langat
43200 Cheras
Selangor Darul Ehsan

Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**PER: BANTAHAN SENARAI NILAIAN 2007 BAGI UNIT-UNIT PANGSAPURI LANGAT
JAYA, HULU LANGAT**

Merujuk kepada perkara di atas, kami penghuni-penghuni Pangsapuri Langat Jaya membuat bantahan terhadap Senarai Nilaiian 2007 bagi unit-unit di bangunan tersebut.

Untuk makluman pihak tuan, Senarai Nilaiian 2007 yang telah dikeluarkan oleh pihak tuan akan menambahkan beban kami yang tinggal di bangunan bertingkat. Ini kerana pada setiap bulan juga kami perlu membayar Yuran Penyelenggaraan sebanyak RM136.00 dan Simpanan Tetap sebanyak RM13.60. Dengan itu pada setiap bulan kami perlu mengeluarkan sebanyak RM149.60. Justeru itu, apabila Senarai Nilaiian 2007 diguna pakai bermula tahun 2007 akan meningkatkan lagi beban kami.

Diharapkan pihak tuan akan dapat memberikan perhatian sewajarnya terhadap bantahan daripada pihak kami. Selain itu kami sertakan bersama-sama nama dan tandatangan semua penghuni yang telah tinggal di bangunan ini sebagai bantahan terhadap Senarai Nilaiian 2007. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan tentang isu ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
Jamaludin bin Hassan
Wakil Penghuni Pangsapuri Langat Jaya

Disertakan:

1. Senarai nama dan tandangan penghuni - 1 salinan

S.k 1) Yang Dipertua MPKj
2) Billion Review (M) Sdn Bhd - Pemaju